

UMNO 50 tahun mendatang

U.M M/S II 31.10.07

Oleh ZAMBRY ABDUL KADIR

Menjelang Perhimpunan Agung UMNO



SEBAGAI pertubuhan yang amat signifikan dalam perjuangan kemerdekaan, UMNO sebagai parti teras pastinya turut bersama berkongsi sejarah kemerdekaan – daripada perjuangan untuk mendapat kemerdekaan, mengisi kemerdekaan, dan mempertahankan kemerdekaan. Ini kerana sejak ditubuhkan 61 tahun lalu UMNO sentiasa menjadi tulang belakang bagi memastikan pembinaan sebuah negara-bangsa yang maju, progresif, aman dan makmur.

Ini kerana UMNO sebagai parti demokratik dan berakarkan dokongan semua peringkat rakyat masih belum kehilangan sentuhan rakyat. Apabila suara rakyat didengari, pandangan rakyat dihalusi, kehendak rakyat dipenuhi, dan keputusan rakyat dihormati maka kerelevannya akan terus disanjung.

Sehingga kini meskipun wujud di sebalik kritikan secara terbuka dilemparkan kepada UMNO sama ada oleh pendokong atau pembangkang melalui media, ceramah dan *blog*, UMNO menyaringnya dengan dada terbuka.

Suasana politik yang sentiasa dinamik, pola pemikiran politik yang semakin berubah, realiti-realiti baru yang muncul sepanjang masa, perkara-perkara lama yang disepakati sebelum ini mulai ditinjau dan dipersoalkan semula, soal hubungan kaum yang terus diperdebatkan, nilai-nilai politik moral semakin terhakis, komuniti *blogger* yang muncul secara terbuka dan tanpa disekat, kemunculan generasi kelas pertengahan yang semakin berpengaruh, memberikan ruang bagi UMNO terus melakukan penilaian.

Melihat kemunculan persoalan dan isu tersebut, timbul suatu perkara yang paling mendasar iaitu apakah perjuangan Melayu akan terus mengisi kanvas politik UMNO dan menjadi pola pemikiran yang tetap segar untuk 50 tahun mendatang? Bagi kelompok pesimis, sudah pasti menyatakan bahawa gerhana akan muncul buat UMNO seperti mana setiap kali telahan dibuat apabila krisis melanda. Bagi kelompok optimis, perjuangan Melayu tidak akan berakhir kerana kematangan politik UM-

ni iaitu kelompok komuniti *bloggers*, *Youtube* dan *My Space* yang menjadikan ruang siber sebagai tempat yang paling terbuka dan bebas untuk memperolehi dan menyampaikan sebarang bentuk maklumat dan ilmu. Dasar teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara yang mempertahankan kebebasan bermaklumat menjadikan generasi ini amat interaktif sehinggalah soal nilai dan tanggungjawab bukan lagi menjadi ukuran mutlak.

Mereka bebas menghinai, mengecam, dan memburukkan sesiapa dan apa sahaja menurut ukuran dan penilaian mereka. Mereka juga bebas memberikan sebarang pandangan tanpa disaring oleh dasar, akta, dan ideologi negara.

Mereka inilah juga yang akan berada di peti-peti undi untuk membuat penentuan siapa dan parti apa yang akan memerintah negara. Mereka tidak akan lagi mendengar dan membaca apa yang disajikan kepada mereka semata-mata, tetapi dalam masa yang sama akan mencari sumber alternatif bagi mengimbangi dan membuat keputusan.

Mereka tidak akan rasa bersalah sekiranya tidak lagi menghayati perjuangan yang diasas oleh generasi terdahulu. Malah semangat kesiapsiagaan untuk menggerakkan sesuatu agenda berdasarkan keistimewaan turut mulai dipertikaikan, walaupun tanpa disadari diri mereka adalah hasil daripada agenda tersebut.

Mereka ini mengimpikan sebuah politik yang membuka ruang kepada rakyat untuk mengambil bahagian secara lebih aktif dan terbuka. Mereka mahukan kalangan ahli-ahli politik dan wakil-wakil rakyat yang dapat bersama mereka sama ada menangani masalah rakyat atau berada di forum dan ceramah-ceramah. Mereka mahukan ahli-ahli politik dan wakil rakyat yang membuat kajian dan kerja-rumah sebelum berbahas.



SEORANG pengunjung meneliti lukisan mural perjuangan UMNO di PWTC.

Selagi UMNO mengekalkan relevansinya, selagi itulah orang Melayu dan seluruh rakyat Malaysia memerlukannya

tanpa dicabar dalam konteks demokrasi.

Kemandirian UMNO untuk perjalanan 50 tahun lagi adalah juga berkaitan dengan keupayaan menterjemahkan cita Melayu bagi berada di persada global sehingga ia tidak akan menjadi bangsa yang melukut di tepi gantang. Apa yang sedang dilalui kini adalah persoalan mendefinisikan bangsa besar iaitu sama ada mahu menjadi bangsa Malaysia yang merentasi identifikasi kaum atau menerima persefahaman sedia ada iaitu bangsa Melayu sebagai bangsa teras manakala lain-lain bangsa terus kekal dengan identitinya.

man yang membantu mengukuhkan ketiga-tiga aspek itu tentunya tidak akan ditolak. Aspek-aspek yang menambahkan lagi kekuatan Melayu termasuk dalam soal ekonomi, pendidikan, sosial, dan pentadbiran telah diterima dan menjadi sebahagian daripada agenda Melayu.

Kebimbangan yang ada sebenarnya juga adalah apabila orang Melayu tidak lagi mampu berfikir, hilang keprihatinan, dan mengambil sikap tidak kisah dengan apa yang berlaku. Amalan demokratis sepanjang mesyuarat-mesyuarat cawangan, bahagian, perhimpunan agung tidak lagi di-

Use sama inisiasia sentiasa menuntut perubahan dalam dan luaran bagi mendepani setiap zaman dan keadaan.

Munculnya idea Melayu Baru, Melayu Terbilang, dan Melayu Glokal adalah suatu kesungguhan politik pemimpin UMNO untuk difahami oleh seluruh pendokong UMNO dan orang Melayu amnya bahawa perjuangan Melayu bukan suatu yang statik dan jumud. Melayu perlukan lonjakan baru yang menerjah ke sekalian alam agar mereka menjadi bangsa tersohor dengan nilai dan pegangan yang tetap mengakar manakala mindanya menjadi global.

Saya percaya UMNO mengambil iktibar ini bagi membina minda Melayu terbilang untuk 50 tahun mendatang. Dunia politik kini dan masa depan semakin jelas menunjukkan perubahan kepada penguasaan politik yang rasional, berilmu, dan progresif. UMNO akan mampu menggerakkan agenda perubahan minda dan agenda mentaliti kemajuan ini yang bermula daripada pemimpin sehingga ke peringkat akar umbinya. Ini kerana UMNO mewakili kepentingan kolektif bangsa Melayu dan masyarakat Malaysia amnya.

Kini telah lahir masyarakat berfikir dalam negara yang akan bertanya tentang banyak perkara yang berkaitan dengan amalan-amalan terbaik, urus-tadbir beretika yang terbaik, indikator amalan terbaik (KPI), kerajaan yang cekap, dan ahli-ahli politik yang terbaik dan bermoral. Mereka semakin terbuka bertanya dan berani berpolemik tentang kedudukan bangsa, ke mana haluan sesebuah parti siasah, dan apakah yang dilakukan oleh pemimpin.

Mereka ini adalah generasi yang dilahirkan melalui dasar-dasar kerajaan. Dari satu segi UMNO boleh berbangga kerana kini jutaan mereka yang berjajazah dan bergelar profesional dan teknokrat lahir dari perjuangan pendidikan UMNO. Namun tanggungjawab memenuhi impian generasi ini yang memiliki daya fikir yang berbeza, cita-rasa politik yang berbeza, pandangan terhadap nilai-nilai kemelayuan yang berbeza, tentunya menjadi keprihatinan UMNO.

Mereka ini termasuk dari Generasi Net

Kepentingan

Mereka mahukan ahli politik yang bertekankan nilai dan prinsip bekerja dan berbakti kepada negara dan rakyat. Bukannya golongan pengampu yang takut untuk memberi nasihat, pandangan, maklum balas kepada pemimpinnya kerana takut sekiranya nasihat itu disalah-ertikan maka dia tidak bergelar wakil rakyat lagi. Bukannya ahli politik yang kerjanya hanya untuk menjaga kepentingan politik dan membiarkan segala agenda pembangunan terlerai.

Realiti baru ini tidak bermakna bahawa UMNO tidak mampu untuk menghadapi kebangkitan generasi baru tersebut. Sepanjang perjalanan sejarahnya UMNO telah membuktikan bahawa pendekatan yang baik, dasar yang realistik, peluang dan ruang yang sentiasa terbuka untuk semua golongan berkelayakan sebenarnya memberi kekuatan baru kepada UMNO untuk terus berada di persada politik negara.

Peristiwa pra-1969 yang melahirkan cendekiawan dan ahli-ahli politik Melayu yang progresif dengan tuntutan-tuntutan hak dan persamaan telah membawa anjakan pemikiran UMNO untuk menjadi parti yang kuat. Demikian juga apabila lahirnya golongan generasi baru hasil daripada kebangkitan Islam seluruh dunia sejak akhir 1970-an telah menyuntik kekuatan UMNO untuk menjadi parti Islamis yang terkuat di dunia.

Dengan kebijaksanaan kepimpinan juga kebangkitan baru ini akan disusuli dengan tindakan proaktif untuk melakukan penyesuaian politik yang terbaik yang memungkinkan tidak berlaku penghijrahan keluar atau penolakan besar-besaran golongan ilmuwan, intelektual, dan generasi net terhadap UMNO.

Pendekatan *engagement* yang menolak pendekatan konfrontasi dalam suasana kebangkitan baru adalah pilihan terbaik kerana peperangan politik yang baru adalah peperangan minda dan idea, bukannya peperangan ideologi pilihan atau pertembungan *zero-sum game* iaitu siapa menang ia berkuasa dan boleh melakukan apa sahaja

Desakan dan tuntutan mulai kedengaran untuk meleburkan identiti kaum yang dirasai semakin membawa kepada kemalapan hubungan kaum sehingga ada di kalangan golongan Melayu ternama yang apabila diwawancara ingin mahu dikenalpasti sebagai anak Malaysia terlebih dahulu sebelum dikenali etniknya.

Manakala ada parti siasah tertentu yang mulai melebarkan projek anak Malaysia. Tuntutan dari pemimpin tua tanah sebarang pula mahukan supaya kaum-kaum bukan Melayu diberi kedudukan yang sama sebelum negaranya kembali semula ke pangkuan Malaysia.

Orang Melayu juga sedar bahawa zaman berubah, cabaran-cabaran juga berubah, dan semestinya memerlukan cara-cara baru untuk sentiasa kekal dalam sesuatu masa dan zaman.

Namun ia tidak sampai untuk terus mengorbankan semua yang lama atau yang dipersetujui bersama semata-mata untuk mengkomodasi atau memenuhi tuntutan yang baru. Namun ia juga tidak sampai sehingga apabila membicarakan soal pengorbanan untuk negara maka orang Melayu sahaja yang perlu berkorban.

Yang menjadi persoalan ialah apabila enggan berubah. Sememangnya menjadi tabiat manusia sentiasa berasa selesa dengan kedudukan dan tempatnya. Ada pula yang terlalu menjadi takut kehilangan identiti kaum, pendidikan dan persatuannya.

Apabila sikap ini wujud selama itulah segala yang dirancang menjadi statik. Namun yang dibimbangi ialah atas nama perubahan segala-galanya diubah tanpa membezakan antara sesuatu yang kekal dengan yang berubah-ubah. Tentunya Islam adalah suatu yang kekal, dan tindakan mengubah Islam dari kehidupan orang Melayu bermakna kehilangan Melayu itu sendiri.

Kaedah berfikir orang Melayu adalah memelihara asas lama yang baik dan menerima perkara baru yang lebih baik. Kaedah ini berhubung rapat dengan asas Islam, budaya, dan bahasa, manakala dalam masa yang sama perubahan-perubahan dan kebaikan yang wujud sepanjang za-

gunakan untuk bermuhasabah, membaiki diri, dan meneguhkan perjuangan parti.

Sebaliknya dipenuhi dengan tindakan mencerca dan mahu menjatuhkan pemimpin, menyebarkan fitnah, dan menanamkan kebencian sesama sendiri. Pentas-pentas ceramah pula dipenuhi dengan cerita-cerita yang digubah untuk selera diri dengan teori konspirasi, skandal, penyelewengan, dan sebagainya. Bukannya dipenuhi dengan perbincangan tentang masa depan bersama dan bagaimana menyatukan Melayu yang berada di persimpangan.

Bagi pendokong UMNO sewajarnya bersyukur dengan ruang demokratis yang disediakan setiap kali perhimpunan agung diadakan. Perbincangan digunakan dengan sebaik mungkin bagi menyampaikan pandangan, memberikan nasihat, dan menzahirkan yang terbuka dalam hati tentang perjalanan parti, nasib bangsa, dan kedudukan agama. Tradisi ini sewajarnya diteruskan dalam suasana adil dan kasih-sayang sebuah keluarga besar.

UMNO akan terus berada pada kekuatannya untuk 50 tahun akan datang selagi organisasi politik yang sedia ada dipelihara dengan baik sebagai sebuah organisasi politik yang demokratis dan tersusun serta bersistematik.

Dalam konteks kepemimpinan, UMNO perlu terus melahirkan pemimpin-pemimpin semua peringkat yang berfikir secara global dan bertindak secara lokal, iaitu mereka yang tidak anti-ilmu dan pembaharuan tetapi juga prihatin dengan permasalahan rakyat yang menaunginya.

Kekuatan dan survival UMNO untuk 50 tahun mendatang berada dalam jiwa ahli-ahli UMNO dan orang Melayu. Selagi UMNO mengekalkan relevansinya, selagi itulah orang Melayu dan seluruh rakyat Malaysia memerlukannya. UMNO, jadilah sebuah parti yang bijaksana dan terus berjasa.

□ DATUK DR. ZAMBRY ABDUL KADIR ialah Exco Pendidikan, Institut Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Perak.